

'Walaupun tak terpilih saya tetap teruskan perjuangan dalam UMNO'

Razaleigh: Sokonglah Mahathir

UM 23 MAY 1981

TANAH MERAH 22 Mei — Calon Timbalan Presiden Tengku Razaleigh Hamzah hari ini mengajak UMNO Kelantan memberikan sokongan kuat kepada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti yang baru dalam perhimpunan agung 26 Jun depan.

Tentang kedudukannya pula, beliau berkata: "Saya menyerahkan diri saya kepada Allah dan perwakilan UMNO."

Tengku Razaleigh menambah: "Walaupun tidak terpilih saya akan tetap meneruskan perjuangan dalam parti.

"Begitu juga, saya tetap menyokong Datuk Sri Dr. Mahathir walaupun tidak terpilih nanti," katanya.

Inilah kali pertama Tengku Razaleigh muncul bersama Datuk Sri Dr. Mahathir dalam perjumpaan UMNO sejak beliau membuat keputusan untuk berbanding jawatan Timbalan Presiden.

Berucap di mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Tanah Merah dan Ulu Kelantan hari ini, Menteri Kewangan itu menjelaskan ahli-ahli supaya jangan menjalankan kempen yang boleh memburukkan sesiapa menjelang perhimpunan agung.

Dalam nada yang serius beliau berkata: "Biar saya kalah, jangan parti berpecah."

"Walaupun tidak terpilih saya akan terus berjuang."

"Kita mesti menerima keputusan majoriti dan menyokongnya."

"Saya pernah berjuang di bawah dan sedia kem-

**OLEH:
KHALID MOHD.**

bali ke bawah."

"Pemimpin datang dan pemimpin pergi, kita akan terus berjuang sama ada berada di bawah atau di atas," katanya.

Tengku Razaleigh mengingatkan penyokong-penyokong UMNO supaya jangan sekali-kali menjalankan sebarang kempen yang boleh mengeruhkan keadaan atau memburukkan mana-mana pihak.

"Kalau saya tidak terpilih janganlah berkecil hati."

"Selepas perhimpunan agung kita akan rapatkan semula barisan kita untuk menghadapi pilihanraya umum kelak," jelasnya.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli supaya jangan sekali-kali melakukan fitnah atau perkara-perkara yang boleh memecah belahkan parti dalam menghadapi perhimpunan agung akan datang.

Mengenai sokongannya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir, Tengku Razaleigh berkata: "Saya tetap menyokong beliau, kita mesti berdiri teguh di belakangnya."

Beliau menegaskan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang terpuji dan "kita tetap menyokongnya."

Sambil berseloroh Tengku Razaleigh menambah "orang yang akan mengganti itu bukan orang biasa, dia tok bomoh, boleh mengubat semua penyakit."

Menurutnya Datuk Hussein Onn tidak akan mengundur diri sekiranya beliau tidak yakin akan barisan ganti untuk mengekalkan suasana aman dan stabil yang wujud dalam negara sekarang.